

MAHATHIR-PELABURAN

1980

KUALA LUMPUR, 15 JAN. (BERNAMA) — KERAJAAN BERSEDIA MENJADI RAKAN PERKONGSIAN UNTUK MEMBANTU PENANAM-PENANAM MODAL TEMPATAN YANG KURANG YAKIN UNTUK MELABUR SECARA BESAR-BESARAN DALAM PASARAN ANTARABANGSA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

BELIAU MERASAKAN SEBAHAGIAN BESAR AHLI PERNIAGAAN MALAYSIA TIDAK SEDAR TENTANG PELUANG YANG LEBIH BESAR MENJUAL BARANG-BARANG YANG BERJUTA JUMLAHNYA DARI MENJUAL SECARA SEDIKIT-SEDIKIT.

“SIKAL INI MESTILAH DIUBAH, + TEGAS TIMBALAN PERDANA MENTERI DALAM SEBUAH RENCANA YANG DIDASARKAN DARI TEMURAMAH DENGAN BELIAU MENGENAI STRATEGI PERUSAHAAN MALAYSIA BAGI TAHUN 1980AN.

RENCANA ITU DITERBITKAN DALAM KELUARAN TERBARU UMBC ECONOMIC REVIEW, TERBITAN UNITED MALAYAN BANKING CORPORATION.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TELAH DIPETIK SEPAKAI PERKATA BAHAWA TERDAPAT BEBERAPA ORANG RAKYAT NEGARA INI YANG SANGGUP MELABUR DI BIDANG PEMBUATAN UNTUK EKSPORT JIKA ADA RAKAN PERKONGSIAN ASING UNTUK MEMBAWA MASUK KEMAHIRAN TEKNOLOGI DAN PEMASARAN. -- BERSAMBUNG 1808/SZ

+ADA BEBERAPA ORANG AHLI PERNIAGAAN MALAYSIA YANG MENGETAHUI ATAU MEMPUNYAI PENGETAHUAN TENTANG PASARAN ANTARABANGSA+ TAMBAHNYA.
+MEREKA TIDAK SEDAR TENTANG LUASNYA POTENSI MENJUAL BARANG-BARANG YANG BERJUTA JUMLAHNYA DARI HANYA MENJUAL BEBERAPA RATUS ATAU RIBU SAHAJA.+

+APABILA MEREKA DITAWARKAN, KATALAH, SATU PESANAN UNTUK SEJUTA BATANG PENYAPU, MEREKA TIDAK YAKIN YANG PESANAN ITU BETUL, ATAU IA BOLEH DIPESAN LAGI DAN DENGAN DEMIKIAN MEREKA MENGANGGAP RISIKO ITU TERLALU TINGGI UNTUK PELABURAN. SIKAP INI HEMDAKLAH DIUBAH.

+HANYA BEBERAPA ORANG SAHAJA RAKYAT MALAYSIA YANG MENYEDARI PERKARA INI, IAITU MEREKA YANG MEMAHAMI TENTANG PASARAN ANTARABANGSA DAN SANGGUP MENERIMA CABARAN DAN MENJADI MAKMUR.+

GALAKAN KERAJAAN TERHADAP PELABURAN DALAM PERUSAHAAN YANG MENGGUNAKAN SUMBER TEMPATAN OLEH PARA PELABUR TEMPATAN ADALAH SATU DARI MATLAMAT DASAR PELABURAN NEGARA. -- BERSAMBUNG 1810/SZ
MAHATHIR-PELABURAN 3 KUALA LUMPUR

SEJAJAR DENGAN DASAR INI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR
+KERAJAAN SEDIA MENGADAKAN USAHASAMA DENGAN PELABUR-PELABUR TEMPATAN DAN ASING UNTUK MENGUBAH INI (SIKAP).

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMANG MUDAH UNTUK Mencari wang di Malaysia dewasa ini.

+BAGAIMANAPUN,+ KATANYA,+PARA PELABUR TEMPATAN HANYA SANGGUP MELABUR DALAM BIDANG YANG MEREKA TAHU.

+DALAM BIDANG SEPERTI PERLADANGAN, DI MANA MALAYSIA MEMPUNYAI PENCAPAIAN PENGURUSAN YANG PALING TINGGI DI DUNIA, TIDAK BERLAKU KEMEROSOTAN PELABURAN.

+BAGAIMANAPUN, DI BIDANG PEMBUATAN PARA PELABUR TEMPATAN HANYA MAHU MENJUAL DI PASARAN TEMPATAN DAN MAHUKAN KERAJAAN SUPAYA MENGADAKAN SEKATAN TARIF BAGI MELINDUNGI MEREKA. PERMINTAAN SEUMPAMA ITU ADA HADNYA.+ -- BERSAMBUNG 1813/SZ

B577

MAHATHIR-PELABURAN 4 KUALA LUMPUR

MENURUT RENCANA ITU DALAM TAHUN LAPAN PULUHAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP DAPAT MENARIK PERUSAHAAN-PERUSAHAAN YANG MENGGUNAKAN TENAGA BERAT KE MALAYSIA, SEPERTI YANG BERLAKU DI DUNIA SEKARANG KEDUDUKAN SUMBER TENAGA MALAYSIA ADALAH KRITIKAL BAGI PROJEK-PROJEK SEUMPAMA ITU.

BANYAK KERAJAAN KINI MAHUKAN PROJEK-PROJEK YANG MENGGUNAKAN TENAGA BERAT SUPAYA DIJALANKAN DI SEPERANG LAUT DAN PELUANG INI BOLEH DIDAPATI DI MALAYSIA.

RENCANA ITU MENAMBAH DALAM BIDANG YANG MEMERLUKAN MALAYSIA SEAGAI SEBUAH PUSAT PERKHIDMATAN UNTUK PERUSAHAAN EKSPORT, MALAH 100 PERATUS MILIK ASING JUGA MUNGKIN.

+SOALNYA IALAH GAMA ADA DAPAT KITA PULANGAN EKONOMI DAN SOSIAL YANG MENCUKUPI,+ TAMBAH RENCANA ITU. -- BERNAMA 1815/SZ